



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
AGENSI ANGKASA MALAYSIA

SIARAN MEDIA AGENSI ANGKASA MALAYSIA

TEKNOLOGI ANGKASA TINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN SUMBER HUTAN SABAH

LANGKAWI, 26 Mei 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jabatan Perhutanan Sabah dalam satu majlis menandatangani dokumen tersebut pada hari ini di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), Langkawi bagi memperkasa kerjasama penggunaan teknologi angkasa dan remote sensing dalam pengurusan sumber hutan secara lestari khususnya kawasan Hutan Simpan Negeri Sabah.

Kerjasama MYSA dengan Jabatan Perhutanan Sabah ini merupakan kali ke-3 sejak kerjasama di antara kedua pihak dimeterai pada tahun 2013 dan 2017. Kerjasama strategik ini juga selari dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang direncanakan di bawah Program Eksplorasi Angkasa Malaysia 2030 (MSE2030) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Mei 2023 di LIMA'23. Pada majlis berkenaan, YBrs. Gs. Haji Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah MYSA dan YBhg. Datuk Frederick Kugan, Ketua Konservator Hutan Sabah telah menyempurnakan upacara menandatangani dokumen MoU.

Skop kerjasama ini merangkumi pemantauan dan pemetaan kawasan berhutan di seluruh Negeri Sabah berteraskan teknologi angkasa yang merupakan satu pendekatan baharu dalam pengurusan sumber hutan dan pendigitalan maklumat perhutanan. Melalui kerjasama ini, beberapa pakej Sistem Aplikasi

telah dibangunkan khusus untuk membantu pihak Jabatan Perhutanan Sabah dalam pengurusan sumber hutan iaitu **Sistem iForSABAH** bagi pengurusan dan pemantauan litupan hutan serta **Sistem e-PESISIR** yang memfokuskan pemantauan kawasan pesisiran pantai negara.

Penggunaan teknologi angkasa memberikan impak yang sangat signifikan dalam pengurusan sumber hutan khususnya bagi membantu pihak Jabatan Perhutanan Sabah dalam membuat pemetaan dan pengemaskinian litupan hutan secara tepat dan berkala setiap dua tahun sejak 2010. Pengoperasian sepenuhnya sistem-sistem aplikasi yang telah dibangunkan juga telah mengurangkan kos operasi di lapangan sehingga 40% dan menjimatkan masa pelaksanaan kerja.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

AGENSI ANGKASA MALAYSIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

26 MEI 2023